



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERLIS

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan pengurusan syarikat dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 10 Ogos 2022 (Rabu).
3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Prestasi di Jabatan/Agensi Negeri

- i. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Perlis iaitu Pengurusan Infrastruktur

Awam Negeri Perlis di Bahagian Pentadbiran Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa prestasi pencapaian output pembangunan kemudahan awam bandar dan luar bandar adalah baik.

- ii. Prestasi pembangunan kemudahan awam luar bandar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan tetapi telah memenuhi keperluan dan memberi manfaat kepada penduduk setempat. Pembangunan kemudahan awam yang tidak dirancang juga telah dilaksanakan selaras dengan keperluan dan kepentingan manfaat penduduk setempat.
- iii. Objektif projek bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk melalui peluang sumber pendapatan tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana terdapat gerai yang dibina tidak beroperasi. Pengurusan program mempunyai kelemahan dalam aspek penyenggaraan dan pemantauan kemudahan awam bandar dan luar bandar.

3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- i. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- ii. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Perlis iaitu KUIPS Sdn. Bhd. (KUIPsSB). Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa KUIPsSB telah mencapai objektif penubuhannya, iaitu untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi swasta.
- iii. Prestasi pengambilan pelajar baharu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Kadar peratusan graduan KUIPsSB yang boleh dipasarkan juga belum mencapai tahap purata nasional yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2019 dan 2020. Prestasi pengurusan aktiviti kurang cekap dalam aspek pengambilan pelajar antarabangsa yang tidak mencapai

tahap minimum yang ditetapkan, pengurusan kutipan tunggakan yuran pelajar dan pengurusan kemudahan penginapan pelajar.

- iv. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan namun memerlukan penambahbaikan dalam aspek penyediaan Piagam Lembaga Pengarah; peranan Setiausaha Syarikat; kelulusan Prosedur Operasi Standard; perjumpaan antara Jawatankuasa Audit bersama Ketua Audit Dalam dan pelaksanaan pengauditan oleh Audit Dalam. Kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap stabil dan mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tahun 2018 dan 2019. Bagaimanapun, KUIPsSB bergantung kepada sumbangan daripada MAIPs bagi membantu syarikat menyelesaikan perbelanjaan operasinya.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkeenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan dan pengurusan syarikat berkeenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan lapan syor terhadap pengurusan aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
 5. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 10 Ogos 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 10 Ogos 2022 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

10 Ogos 2022

12 Muharram 1444H